

# 2 beranak 'pergi' selang 46 minit

**Kuantan:** Dua beranak meninggal dunia selang 46 minit ketika dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan di sini, akibat cedera parah selepas terbabit dalam kemalangan membabitkan empat kenderaan, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Pekan Superintendan Mohd Zaidi Mat Zin berkata, Muhammad Padillah Hussin, 52, disahkan meninggal dunia jam 1.53 tengah hari manakala Nurul Solehah Muhammad Padillah, 23, disahkan meninggal dunia di unit rawatan rapi (ICU) HTAA jam 6.39 petang.

"Terdahulu, dua beranak ini yang menaiki Proton Wira terbabit dalam kemalangan membabitkan dua lori dan masing-masing sebuah van serta kereta di Kilometer 39, Jalan Kuantan-Segamat, Pekan dekat sini, jam 11 pagi semalam (kelmarin)."

"Siasatan awal mendapati, Proton Wira dipandu Muhammad Padillah dalam perjalanan dari arah Segamat, Johor menghala ke Kuantan manakala tiga kenderaan lain dari arah Kuantan menghala ke Segamat," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurut beliau, tiba di lokasi, Proton Wira itu dipercayai termasuk ke laluan



**Siasatan awal mendapati Proton Wira dipandu Muhammad Padillah dalam perjalanan dari arah Segamat, Johor menghala ke Kuantan manakala tiga kenderaan lain dari arah Kuantan menghala ke Segamat"**

**Mohd Zaidi**

bertentangan dan melanggar tayar belakang sebuah lori sebelum bertembung dengan van.

"Proton Wira berkenaan kemudiannya termasuk semula ke laluan asal manakala van terbabit dilanggar oleh sebuah lagi lori yang berada di belakangnya.

"Dua beranak itu serta pemandu van terbabit kemudiannya dibawa ke HTAA," katanya.

Pemandu van berusia 36 tahun patah tangan kanan manakala dua pemandu lori berumur 32 dan 38 tahun tidak mengalami kecederaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



**KEADAAN** kereta mangsa yang terlibat dalam nahas di Kilometer 39 Jalan Kuantan-Segamat, Pekan, kelmarin.